

## PERSPEKTIF BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) ISLAM TERHADAP DASAR PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI

(The Perspective Of Islamic Non-Government Organization  
Toward The Policy Of Inculcating Of Islamic Values And  
Islam Hadhari)

MOHAMMAD REDZUAN OTHMAN\*  
AMIN FADLILLAH\*

Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur,  
Malaysia

### **ABSTRAK**

*Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan Pendekatan Islam Hadhari merupakan agenda kerajaan yang dicetuskan bagi meningkatkan pemahaman dan penghayatan umat Islam di Malaysia khususnya di kalangan masyarakat Melayu. Meskipun kedua agenda itu terhasil dari idea kerajaan, namun dari segi kesan dan hasil program berkenaan menyerlahkan dimensi yang berlainan. Hal ini dapat dilihat dari kaji selidik terhadap pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam, bagi mengetahui persepsi dan pandangan mereka terhadap kedua agenda berkenaan. Secara keseluruhan, wujud beberapa perbezaan jawapan dalam menilai Penerapan Nilai-Nilai Islam dan Pendekatan Islam Hadhari di kalangan mereka. Dalam memberikan pandangan terhadap pelaksanaan penerapan nilai-nilai Islam, golongan NGO cenderung menunjukkan respon positif terutama yang berkaitan dengan agenda mempertingkatkan kefahaman Islam, menyemai nilai-nilai Islam yang murni dalam masyarakat berbilang kaum dan menggalakkan pendidikan Islam. Sebaliknya, kalangan NGO ini memberikan respons yang negatif terhadap pelaksanaan Islam Hadhari disebabkan pemerintah tidak menunjukkan penghayatan Islam dan contoh yang baik. Selain itu, pelaksanaan Islam Hadhari dianggap lemah kerana tiada gagasan yang konkrit.*

**Kata kunci:** Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam, Islam Hadhari, NGO Islam, Masyarakat Sivil, Politik

\*Corresponding author: Mohammad Redzuan Othman/Amin Fadlillah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, Email: nimafad@yahoo.com

Diserahkan: 6 Disember 2011

Diterima: 20 Februari 2012

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2012-0401-03>

Copyright © 2012 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Institut Islam Hadhari UKM

## **ABSTRACT**

*The policy of Inculcating Islamic values and Islam Hadhari is the government's agenda for increasing understanding and appreciation of the Muslims in Malaysia especially among the Malay community. However, the result of the agenda highlighted different dimensions although both the program is the government idea. This can be seen from the survey of non-governmental organizations (NGOs) of Islam, to find out the perceptions and their views on the agenda. Overall, there are some differences responses and answers among the Islamic NGO in assessing the application of Islamic values and Islam Hadhari. In giving the view on the implementation of the application of Islamic values , the NGOs tend to show a positive response, especially in connection with the agenda to enhance understanding of Islam, inculcating Islamic values in a multicultural community and to promote Islamic education. In contrast, the NGOs responds negatively to the implementation of Islam Hadhari because the government does not indicate Islamic practice and to give good examples. In addition, the implementation of Islam Hadhari is considered weak because there is no concrete idea.*

**Keyword:** Policy of inculcating islamic values, Islam Hadhari, Islamic NGO, civil society, politics

## **PENGENALAN**

Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang maju membangun dan menjadi antara negara yang dicontohi oleh negara-negara Islam yang lain. Kejayaan pembangunan ekonomi yang pesat dan kestabilan dari segi politik merupakan elemen utama dalam menilai kejayaan itu meskipun struktur penduduknya terdiri dari pelbagai latar belakang kaum, bangsa, bahasa dan agama. Sebagai sebuah negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi negara, Islam telah memainkan peranan yang sangat penting dalam arus utama pembangunan negara sama ada pembangunan yang bersifat spiritual mahupun material. Pembangunan berteraskan Islam ini termasuk lah yang merangkumi pembangunan dari segi pentadbiran, pendidikan, perundangan dan perekonomian bagi memajukan Islam dan memperbaiki taraf kehidupan seluruh rakyat tanpa mengira kaum dan agama.

Bagi memanifestasikan rancangan pembangunan yang berteraskan kepada ajaran Islam, kerajaan Malaysia telah mengeluarkan dasar atau pendekatan yang berdasarkan kepada prinsip-prinsip Islam. Pada era kepimpinan Mahathir

Mohamad, Malaysia mula dikenali sebagai negara Islam yang berjaya melahirkan beberapa institusi pendidikan dan ekonomi Islam menerusi dasar penerapan nilai-nilai Islam. Manakala pada era Abdullah Badawi, kerajaan melancarkan satu pendekatan pembangunan Islam yang menekankan kepada aspek ketamadunan sebagai paksi utamanya. Kemunculan Islam Hadhari dipandang tepat pada masanya bagi membuktikan bahawa Islam bukan agama pengganas melainkan agama yang toleran dan aman, sekaligus menciptakan Islam yang *rahmatan lil alamin* (Abdullah 2008). Salah satu aspek penting dalam Islam Hadhari adalah penghasilan modul j-Qaf dalam kurikulum pendidikan, kewujudan Hub Halal dan sistem perbankan Islam yang semakin rancak (Abdullah 2008).

## **LATAR BELAKANG DASAR PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI**

Fenomena kebangkitan Islam yang berlaku di sebahagian besar dunia Islam pada tahun 1970-an dan 1980-an, merupakan antara faktor utama yang menjadi pencetus pelaksanaan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam di Malaysia. Terdapat kekhuatiran dalam UMNO, jika parti tersebut tidak bertindak balas terhadap desakan kembali kepada Islam, fenomena ini boleh mengancam kelangsungannya. Inilah antara faktor utama yang mendorong UMNO melaksanakan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam bagi membolehkannya turut serta dalam arus kebangkitan Islam (Ibrahim Ahmad 1989). Sebaik-baik sahaja mantan Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohammad dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat pada 1 Julai 1981, beliau telah melaksanakan dasar yang meletakkan Islam sebagai agenda utama dalam pentadbiran negara. Ini memulakan satu era apabila Malaysia dikenali oleh masyarakat dunia sebagai sebuah negara Islam berbanding dengan era kepimpinan sebelumnya (Hussin 1993). Perbezaan yang ketara antara beliau dengan perdana menteri sebelumnya terletak pada pendekatan mereka melaksanakan dasar-dasar Islam. Inilah julung-julung kalinya seorang pemimpin negara mengisytiharkan secara terbuka dasar baru berhubung kedudukan dan peranan Islam dalam masyarakat yang merangkumi bidang ekonomi, pentadbiran, politik, undang-undang, pendidikan, sains dan teknologi di Malaysia.

Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam yang dilaksanakan pada 1982, merupakan dasar yang menekankan kepada reformasi mental dan spiritual masyarakat Melayu dengan mengambil prinsip-prinsip Islam sebagai teras pelaksanaan dasar kerajaan (Mauzy & Milne 1983). Dalam konteks pembangunan insan dan pembangunan fizikal, dasar ini telah merubah secara fundamental lanskap negara dari segi ekonomi, politik, pendidikan, budaya kerja dan pentadbiran

negara. Dalam aspek pembangunan insan, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam yang diambil dari prinsip-prinsip Islam seperti amanah, tanggungjawab, bersih, tekun dan disiplin diimplementasikan menerusi pembinaan jatidiri umat Islam dan kakitangan kerajaan untuk lebih menghayati dan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar. Dalam aspek pembangunan fizikal, dasar ini dilaksanakan dengan mewujudkan institusi pendidikan Islam atau sistem pendidikan yang berpaksikan kepada Islam seperti penubuhan UIA, pelaksanaan KBSM dan bantuan kewangan kepada SAR. Turut diwujudkan insititusi kewangan Islam seperti penubuhan Bank Islam, Takaful dan sistem pajak gadai Islam.

Objektif utama dasar ini adalah untuk menanamkan semangat cintakan nilai-nilai murni dalam kehidupan harian umat Islam. Umat Islam digalakkan melakukan kebaikan, dan menjauhi keburukan, membentuk sikap yang berguna kepada negara. Selain itu mereka digalakkan menghapus sikap yang negatif dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan. Mereka juga digalakkan menghasilkan perkhidmatan yang bermutu, melatih diri dengan disiplin tinggi dan menjalankan amanah dengan dedikasi (Azali 1986). Dengan penanaman nilai-nilai murni Islam ini akan dapat mewujudkan kesedaran di kalangan umat Islam dalam usaha meninggikan lagi syiar Islam di Malaysia. Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam merupakan dasar baru yang bertujuan mengubah sikap umum masyarakat termasuklah dalam perjuangan hidup, cara bekerja, sifat tanggung jawab dan amalan yang dilakukan oleh mereka sepanjang hayat.

Idea yang mencetuskan pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari mempunyai kaitan yang erat dengan pemikiran tentang perkembangan tamadun Islam dan hubungkaitnya dengan persoalan mutakhir yang berlaku di Malaysia dan dunia Islam pada awal tahun 2000-an. Sebagai suatu pendekatan, gagasan ini telah dibincangkan dalam Semniar Pemikiran Islam Hadhari/Tamadun Islam Peringkat Kebangsaan yang diadakan pada tahun 2002. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang ketika itu menjadi Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Pada awalnya, Islam Hadhari diperkenalkan sebagai satu konsep tentang ketamadunan Islam. Bagaimanapun, setelah dipertikaikan dari segi bahasa, sejarah, fokus dan strategi pengisian oleh banyak pihak, konsep ini diubah menjadi pendekatan (Wan Nik dan Asma 2006). Walau bagaimanapun, konsep yang dibincangkan tidak membawa kepada pelaksanaan yang terancang kerana tidak ada tindakan susulan yang berkesan yang dilakukan selepas itu. Namun begitu, setelah dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia yang ke-5 pada 31 Oktober 2005, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menjadikan Pendekatan Islam Hadhari sebagai agenda peribadi yang cuba dilaksanakan sebagai agenda negara.

Pendekatan Islam Hadhari diperkenalkan secara rasminya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika berucap dalam Perhimpunan Agung UMNO ke-55 pada 23 September 2003. Dalam ucapannya untuk kali pertama sebagai pemimpin nombor satu UMNO, beliau tidak sekadar memperkenalkan pendekatan ini kepada para perwakilan dan pemerhati yang hadir, dan malahan turut menghuraikan sepuluh prinsip yang terkandung di dalam Pelaksanaan Islam Hadhari. Sebagai seorang pemimpin yang baru dilantik menerajui negara Pendekatan Islam Hadhari telah dijadikan landasan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memperkenalkan nilai-nilai Islam yang universal. Dengan pendekatannya beliau berhasrat menjadikan Malaysia sebagai model bagi membangunkan masyarakat yang berteraskan tamadun Islam melalui pembangunan modal insan yang terancang. Di peringkat antarabangsa pula, sebagai pengerusi OIC, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menggunakan pelbagai kesempatan bagi memperkenalkan Pendekatan Islam Hadhari kepada negara anggota pertubuhan Islam tersebut sebagai satu wahana untuk penyelesaian pelbagai masalah yang sedang melanda dunia Islam pada ketika ini (Abdullah 2007).

Dari segi idealismenya, Pendekatan Islam Hadhari bermatlamat bagi mewujudkan sebuah negara dengan bangsanya yang bertamadun dan berwibawa. Pendekatannya juga bertujuan bagi menonjolkan ciri-ciri sebuah masyarakat moden dalam usaha meningkatkan kualiti sumber insaniah yang celik teknologi dan maju dalam bidang sains. Sepuluh prinsip Islam Hadhari yang digariskan bermatlamat bagi melahirkan masyarakat Islam moden yang mampu bersaing dalam dunia yang semakin mencabar. Walaupun pendekatan ini dikaitkan dengan pembinaan tamadun umat Islam, namun prinsip yang digariskan turut memberikan ruang yang luas kepada pembelaan hak golongan minoriti dan kaum wanita. Pendekatan Islam Hadhari dianggap amat tepat pada masanya kerana pelaksanaannya dilakukan ketika umat Islam sedang diasak dengan pelbagai label dan unsur-unsur negatif selepas peristiwa 11 September 2001. Pendekatan Islam Hadhari yang dilaksanakan di Malaysia yang bersifat moderat dianggap mampu memberikan wajah Islam yang universal yang boleh dijadikan model dan dapat diterima oleh segenap lapisan masyarakat (Abdullah 2007).

## **LANDASAN KONSEPSUAL NGO**

Dari aspek teoritikalnya, kewujudan dan aktivisme NGO dapat dikenalpasti dalam kerangka masyarakat sivil (*civil society*). Ciri-ciri utama masyarakat sivil adalah kewujudan NGO sebagai aktor utama dalam memainkan peranannya untuk menciptakan ruang yang seluas-luasnya dalam berkomunikasi di antara

kalangan orang awam dengan kerajaan. Ruang komunikasi ini berkaitan dengan masalah-masalah kemasyarakatan yang dilakukan secara bebas dan berdikari dari campur tangan mana-mana pihak. Sedangkan, ditinjau secara konseptual, NGO adalah satu medium bagi penyertaan sosial dan politik rakyat demi menciptakan hubungan yang lebih berkesan dengan pihak kerajaan. Banyak juga NGO ditubuhkan bagi membantu pelaksanaan dasar-dasar kerajaan, bahkan sesetengahnya pula diwujudkan sendiri oleh kerajaan atas sebab pelbagai kepentingan politik, pentadbiran dan pelaksanaan dasar kerajaan. Namun ada juga NGO yang diasaskan atas tujuan mencabar kelemahan-kelemahan kerajaan atau menawarkan ideologi alternatif (Saliha 2000).

Secara umumnya, NGO di Malaysia bergiat dan membabitkan diri dalam persoalan-persoalan alam sekitar, perlindungan dan hak pengguna, hak asasi manusia, isu-isu pembangunan dan gerakan feminisme (Lim 1995). Mengikut Syed Husin Ali, corak dan sifat kerajaan yang autoritarian adalah antara punca kemunculan NGO yang pesat di Malaysia (Saliha 1991) selain faktor ideologi pembangunan yang dianut kerajaan sejak 1970-an lagi (Weiss dan Saliha 2002). Perkembangan ini juga dikaitkan dengan fenomena global mengenai gerakan perubahan masyarakat khususnya apa yang berlaku di Barat yang disebut juga sebagai lahirnya era *new politics* (Makmor 1998).

Bagaimanapun, NGO dalam pengertian pertubuhan bukan kerajaan *an sich* (maksudnya tanpa adanya dikotomi NGO politik dan bukan politik) sudah wujud sejak sebelum merdeka lagi. Sebelum merdeka, telah muncul organisasi-organisasi sivil yang berpaksi semangat nasionalisme untuk menuntut kemerdekaan seperti Persatuan Anak Melayu Selangor, Kedah, Kelantan dan Johor yang kemudian menjadi parti UMNO. Begitu pun di kalangan kaum yang lain, terdapat beberapa gerakan sosial seperti yang dilakukan oleh guru-guru Cina dan di kalangan kaum India ada gerakan Appar Sava Sanggam (Roff 1980). Dalam konteks sejarah penubuhan NGO dan keterkaitannya dengan saluran politik berdasarkan aliran dan ideologi NGO lihat (John Funston 1980). Apa yang ketara dalam kedinamikan perjalanan NGO dalam masa yang cukup panjang itu adalah berlakunya sebuah proses transformasi ideologis dan sosiologis berikutan semakin membaiknya tingkat pendidikan dan ekonomi rakyat negara ini.<sup>1</sup>

Dilihat dari sifat dan agenda perjuangannya, terdapat dua kategori NGO iaitu NGO politik (*political NGOs*) dan NGO bukan politik (*apolitical NGOs*). Pengkategorian ini berdasarkan kepada isu-isu yang diperjuangkan dan matlamat utama yang menjadi halatuju organisasi. Menurut Saliha, NGO politik merujuk kepada penglibatan mereka kepada isu-isu yang berkaitan dengan politik, sosial, ekonomi dan pentadbiran sama ada secara langsung dan sengaja atau secara

kebetulan dan berpilih-pilih. Manakala NGO bukan politik tidak melibatkan diri secara langsung dalam proses politik negara namun sebaliknya menumpukan perhatian terhadap isu-isu kebajikan, khidmat masyarakat, rekreasi, kebudayaan, kepenggunaan dan perdagangan (Saliha 2002). Bidang-bidang yang dikerjakan NGO bukan politik ini bersifat melengkap dan mengisi kerja di bahagian-bahagian yang selama ini kurang mendapatkan tumpuan institusi pemerintah seperti kempen masalah kesihatan, alam persekitaran dan kesejahteraan sosial (Kaneko 2002).

Bagaimanapun, di Malaysia NGO lebih popular dalam kategori NGO politik kerana pelbagai aktivitinya yang menyerlahkan dimensi politiknya berbanding NGO bukan politik kerap kali mendapat perhatian pihak kerajaan (Makmor 2002). Ini adalah wajar memandangkan aspek-aspek politik biasanya menarik minat orang ramai untuk mengetahui perkembangan semasa politik negara apatah lagi apabila ia mendapat liputan dari media massa. Oleh itu, kewujudan dan peranan NGO politik di Malaysia kerana sifatnya yang sedemikian seringkali mengundang kecurigaan dan tidak disenangi kerajaan. Dalam banyak hal, NGO yang bersifat politik terutama bagi NGO yang ditubuhkan dengan tujuan menciptakan ideologi alternatif, boleh dikatakan cenderung antagonistik terhadap dasar-dasar kerajaan yang dianggap tidak sesuai dengan prinsip-prinsip demokrasi (Saravanamuttu 2002).

Responden dalam kajian ini merupakan NGO yang dikategorikan sebagai NGO Islam. Pengkategorian ini berdasarkan kepada agenda dan prinsipnya yang menjadikan Islam sebagai tunjang dan matlamat utama organisasi berkenaan. NGO Islam yang terbabit dalam kajian ini tidak hanya berasal dari kalangan NGO yang kerap kali menonjolkan pandangan yang kritis kepada kerajaan, namun kaji selidik ini turut membabitkan NGO Islam yang ditubuhkan bagi menyokong kerajaan. Kepelbagaian latar belakang NGO Islam yang terbabit dalam kaji selidik ini bertujuan bagi mendapatkan maklum balas yang luas sehingga informasi yang didapatkan nanti menepati unsur yang adil dan seimbang. Dengan begitu kajian ini diharapkan menghasilkan dapatan kajian yang kredibilitinya tidak dipertikaikan dan dapat dipertanggungjawabkan secara saintifik.

Penyelidikan ini dijalankan sekitar tiga bulan bermula pada bulan April 2008 hingga bulan Julai 2008 mengikut zon iaitu zon utara (Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak), Zon Timur (Kelantan, Terengganu, Pahang), zon tengah (Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya) dan zon selatan (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor). Penyelidikan ini dijalankan melalui kaedah temubual bersama responden di lokasi kajian.

Penganalisan data bagi kaji selidik ini adalah berteraskan kepada analisis data menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) di mana kaedah penganalisan data ini memberikan nilai statistik berdasarkan jumlah responden yang bersetuju atau tidak bersetuju berserta peratusan responden mengikut jumlah dapatan yang diperolehi melalui analisis data tersebut. Jumlah responden yang diperolehi melalui kaji selidik ini adalah 245 orang responden.

## PROFIL RESPONDEN


Kajian ini dijalankan di setiap zon di Semenanjung Malaysia, iaitu Zon Utara, Zon Tengah, Zon Timur dan Zon Selatan. Zon Utara terdiri daripada negeri Kedah, Perlis dan P.Pinang, Zon Tengah terdiri daripada negeri Perak, Selangor-Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan manakala Zon Timur terdiri daripada negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Zon selatan pula terdiri daripada negeri Melaka dan Johor. Jumlah responden daripada Zon Tengah lebih ramai kerana kebanyakan para ahli dan aktivis NGO tinggal di kawasan itu.

Jadual 1 Taburan Responden Berdasarkan Zon

ZON	Bilangan Responden	Peratus (%)
Zon Utara	39	15.9
Zon Tengah	138	56.3
Zon Timur	8	3.3
Zon Selatan	60	24.5
<b>Jumlah</b>	<b>245</b>	<b>100.0</b>


Manakala jumlah responden daripada Zon-Zon lain lebih sedikit disebabkan jumlah ahli NGO yang terhad di kawasan berkenaan. Hal ini wajar memandangkan bahawa dalam skala nasional, ibu pejabat dan ahli NGO kebanyakannya terkonsentrasi di Kuala Lumpur dan sekitarnya yang masuk dalam zon tengah meskipun sebahagian NGO berkenaan memiliki cawangan di beberapa negeri tertentu. Jadual 1 di atas menunjukkan taburan responden berdasarkan setiap zon serta pecahan-pecahannya.





Rajah 1 Taburan Responden Berdasarkan Pertubuhan

Rajah 1 menunjukkan taburan responden berdasarkan pertubuhan bukan kerajaan. 49.4% responden daripada ABIM, 15.1% responden daripada ahli Persatuan Pelajar Negeri manakala 11.4% daripada kakitangan PKPIM. 24.1% selainnya adalah terdiri daripada kakitangan JIM, Persatuan Ulama Malaysia, Sisters in Islam, PERKIM, Persatuan Pengguna Islam Malaysia dan Persatuan Peguam Syariah. Struktur latar belakang responden pada jadual ini memperkukuh fakta yang menunjukkan majoriti ahli NGO lebih banyak berkedudukan di zon tengah. Walau bagaimanapun, struktur responden ini tetap dapat mewakili NGO seluruh semenanjung memandangkan jumlah 53.7% responden berasal daripada selain zon tengah yang mana mereka telah memberikan pandangan yang seimbang.



Rajah 2 Taburan Responden Berdasarkan Jantina

Seramai 245 orang responden telah ditemui untuk mendapat pandangan mereka tentang Penerapan Nilai-Nilai Islam dan Pendekatan Islam Hadhari. Daripada 245 orang responden, 62.4% (153) adalah responden lelaki manakala 37.6% lagi adalah terdiri daripada responden perempuan (92). Perbezaan yang ketara antara responden lelaki dan perempuan adalah disebabkan faktor ahli-ahli mahupun aktivis NGO berkenaan didominasi oleh golongan lelaki (lihat Rajah 2).

Jadual 2 Taburan Responden Berdasarkan Umur

Umur	Bilangan Responden	Peratus (%)
16-20 tahun	20	8.2
21-30 tahun	103	42.0
31-40 tahun	40	16.3
41-50 tahun	37	15.1
51-60 tahun	36	14.7
61 tahun ke atas	8	3.3
Tidak Respon	1	0.4
<b>Jumlah</b>	<b>245</b>	<b>100.0</b>

Responden terdiri dari pelbagai peringkat umur. Secara keseluruhannya, responden adalah dari kategori peringkat umur 21 hingga 30 tahun (42.0%), diikuti dengan responden berumur 31 hingga 40 tahun (16.3%) manakala 15.1%

responden terdiri daripada responden yang berumur 41 hingga 50 tahun. Peratusan yang tinggi daripada kategori umur 21-30 tahun (42 %) dan 31-40 tahun (16.3 %) menunjukkan bahawa kebanyakan ahli dan aktivis NGO itu merupakan golongan muda yang bergiat aktif dalam organisasi sivil (lihat Jadual 2).

Dari segi latar belakang pendidikan, 48.6% (119) daripada responden memiliki Ijazah dari universiti, diikuti pula dengan 26.9% responden yang memiliki Sijil STPM/ Diploma/A-Level. Selebihnya adalah terdiri daripada responden yang memiliki Sijil PMR (1.6%), SPM/O-Level (20.8%) serta lain-lain kelulusan (1.6%). 0.4% responden tidak respons terhadap soalan ini. Peratusan tinggi yang dicapai oleh responden dengan kelulusan ijazah universiti itu, merupakan pencapaian yang sesuai dengan jangkaan terutama dalam menentukan kelompok sasaran yang berpendidikan. Hal ini memandangkan untuk memperoleh persepsi dan pandangan responden, perlu ada pendidikan yang memadai supaya maklumat yang diberikan memenuhi jawapan yang sesuai (lihat Jadual 3).


Jadual 3 Taburan Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan

<b>Tahap Pendidikan Tertinggi</b>	<b>Bilangan Responden</b>	<b>Peratus (%)</b>
PMR	4	1.6
SPM/O-Level	51	20.8
STPM/DIPLOMA/A-Level	66	26.9
Ijazah Universiti	119	48.6
Lain-lain	4	1.6
Tidak Respon	1	0.4
<b>Jumlah</b>	<b>245</b>	<b>100.0</b>

## **SUMBER MAKLUMAT PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM**

Rajah 3 menunjukkan peratusan bagi sumber maklumat mengenai penerapan nilai-nilai Islam. Berdasarkan Jadual 4 di bawah, responden menyatakan bahawa maklumat mengenai penerapan nilai-nilai Islam diperoleh secara meluas dari surat khabar dan majalah (17.5%) diikuti pula dengan televisyen dan radio (16.3%) serta Risalah/poster/helaian maklumat (14.4%). Ini menunjukkan bahawa sumber-sumber berkenaan berkesan dalam menyampaikan maklumat mengenai penerapan nilai-nilai Islam kepada orang ramai. Selain itu, sumber maklumat yang lain adalah bersumber daripada ceramah-ceramah dan khutbah di masjid (13.4%), perbincangan dan seminar (13.7%), internet (9.1%), dari Rakan/saudara/keluarga (8.2% ), pameran (6.5%) serta dari lain-lain sumber


(0.8%). Dapatan ini juga memberi petunjuk bahawa dasar penerapan nilai-nilai Islam yang dikeluarkan pada dekad 1980-an hanya dapat dirujuk dan diakses melalui media yang sesuai dengan zamannya. Ini tentu berbeza dengan keadaan sekarang di mana sumber internet merupakan salah satu sumber yang paling berkesan dalam menyebarkan maklumat.



Rajah 3 Bilangan Respons Berdasarkan Sumber Maklumat

### SUMBER MAKLUMAT PENDEKATAN ISLAM HADAHRI

Rajah 4 menunjukkan bilangan respons dan peratusan bagi sumber maklumat mengenai pendekatan Islam Hadhari. Berdasarkan rajah 4 di bawah, responden menyatakan bahawa maklumat mengenai pendekatan Islam Hadhari di peroleh secara meluas dari televisyen dan radio (18.8%) diikuti pula dengan surat khabar dan majalah (18.4%) serta Risalah/poster/helaian maklumat (13.6%). Ini menunjukkan bahawa sumber-sumber berkenaan berkesan dalam menyampaikan maklumat mengenai pendekatan Islam Hadhari kepada orang ramai. Selain itu, maklumat yang lain adalah dari Ceramah-ceramah dan khutbah di masjid (11.3%), Perbincangan dan seminar (12.1%), internet (8.3%), dari Rakan/saudara/keluarga (7.9%), pameran (8.6%) serta dari lain-lain sumber (1.0%).



Rajah 4 Bilangan Respons Berdasarkan Sumber Maklumat

## PERSEPSI TERHADAP PENDEKATAN ISLAM HADHARI

Pendekatan Islam Hadhari yang digagas oleh bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Badawi mengalami dinamika yang pasang surut dalam pelaksanaannya. Pada peringkat awal tidak lama setelah pelancarannya, pendekatan Islam Hadhari dialu-alukan kehadirannya terutama di kalangan parti pemerintah yang berkuasa UMNO. Pandangan yang positif ini kerana Islam Hadhari menawarkan satu konsep atau pendekatan yang meletakkan Islam sebagai teras utama dalam arus pembangunan negara yang berdasarkan kepada keunggulan tamadun dan peradaban bangsa. Selain itu, pendekatan ini juga diyakini mampu mengembalikan semula kepercayaan rakyat terhadap kerajaan yang cukup terjejas berikutan berlakunya kes penyingkiran dan pemenjaraan Anwar Ibrahim pada 1998.

Hal ini dapat dibuktikan dengan keputusan Pilihan Raya ke-11 pada 2004 yang mana UMNO meraih kemenangan terbesar dalam sejarah pilihan raya di negara ini. Sebagai salah satu manifesto BN dalam menghadapi Pilihan Raya 2004, Islam Hadhari dilihat memainkan peranan yang cukup penting dalam mempromosikan Islam yang moderat dan progresif sekaligus menolak pendekatan keislaman ala PAS yang kolot dan tradisional. Peranan yang dimainkan Islam

Hadhari ini dilihat menjadi faktor utama dalam meraih sokongan pengundi Melayu. Khadijah (2007) ada menyatakan:

*Islam Hadhari was instrumental in winning the hearts and minds of the Malaysians electorate, particularly the rural Malays, prompting them to switch their support from PAS to the UMNO.*

Walau bagaimanapun, berikutan kurangnya strategi yang berkesan oleh JAKIM sebagai jentera kerajaan yang diberi tanggung jawab untuk pelaksanaannya, pendekatan Islam Hadhari mula kehilangan arah matlamat dan cita-cita besarnya dalam merealisasikan impian Malaysia sebagai negara Islam contoh mengikut acuan sendiri. Islam Hadhari menawarkan satu epistemologi yang tidak sederhana bagi kebanyakan masyarakat sehingga menimbulkan persoalan kurangnya pemahaman mereka terhadap pendekatan yang diwar-warkan penggagasnya sebagai usaha untuk mengembalikan kegemilangan tamadun Islam. Kekeliruan umat Islam terhadap Islam Hadhari semakin menjadi-jadi berikutan tindakan golongan pembangkang terutama PAS yang membantah dan mempertikaikan pendekatan Islam Hadhari sebagai pendekatan yang berlandaskan Islam (Abdul Hadi 2005). Akibat kempen PAS yang cukup agresif dalam isu mempersoal kesahihan penggunaan istilah Islam Hadhari, masyarakat Melayu semakin tertanya-tanya sekaligus muncul keraguan berhubung pelaksanaan program kerajaan terbabit.

Bagi memperoleh gambaran tentang persepsi NGO Islam terhadap Pendekatan Islam Hadhari, telah dikemukakan beberapa soalan yang berkaitan dengan isu-isu yang menjurus kepada beberapa aspek pelaksanaan Islam Hadhari. Jadual 4 mendapati kalangan NGO Islam berpendapat 66.5 % bersetuju Islam Hadhari lemah dalam aspek pelaksanaan kerana tiada gagasan yang bersifat konkrit. Hal ini mengakibatkan tiada penghayatan di kalangan Melayu terhadap gagasan Islam Hadhari yang mencecah 62.4 %. Malah, di kalangan ini juga bersetuju bahawa Islam Hadhari adalah slogan politik semata-mata 61.6 %. Oleh itu, mereka berpandangan tidak perlu dilaksanakan Islam Hadhari kerana sudah ada Penerapan Nilai-nilai Islam 62.9%. Kalangan NGO Islam ini juga percaya Islam Hadhari hanya dilaksanakan pada zaman pemerintahan Pak Lah sebanyak 62.9%. Oleh kerana itu, sebanyak 53.1 % mereka berpandangan Islam Hadhari tidak relevan lagi setelah pilihan raya ke-13.

Jadual 4 Persepsi dan Pandangan Terhadap Pendekatan Islam Hadhari

Atribut	Respons		
	Tidak Bersetuju	Tidak Pasti	Bersetuju
1. Kelemahan pendekatan Islam Hadhari adalah kerana tiada gagasan Islam Hadhari yang konkrit	30 <i>12.2</i>	52 <i>21.2</i>	163 <i>66.5</i>
2. Masyarakat Melayu sudah menghayati pendekatan Islam Hadhari	153 <i>62.4</i>	64 <i>26.1</i>	28 <i>11.4</i>
3. Pendekatan Islam Hadhari diperkenalkan hanyalah sebagai slogan	41 <i>16.7</i>	53 <i>21.6</i>	151 <i>61.6</i>
4. Pendekatan Islam Hadhari tidak perlu kerana sudah ada dasar penerapan nilai-nilai Islam	41 <i>16.7</i>	50 <i>20.4</i>	154 <i>62.9</i>
5. Pendekatan Islam Hadhari hanyalah akan di laksanakan pada zaman pemerintahan Dato' Sri Abdullah Ahmad Badawi sahaja	29 <i>11.8</i>	62 <i>25.3</i>	154 <i>62.9</i>
6. Islam Hadhari terlalu menekankan aspek material	42 <i>17.1</i>	74 <i>30.2</i>	129 <i>52.7</i>
7. Kekalahan / Kemerosotan undi BN dalam Pilihan Raya Umum ke-12 adalah kerana Islam Hadhari	47 <i>19.2</i>	76 <i>31.0</i>	122 <i>49.8</i>
8. Selepas Pilihan Raya Umum ke-12, Islam Hadhari tidak lagi relevan	36 <i>14.7</i>	79 <i>32.2</i>	130 <i>53.1</i>

## PANDANGAN TERHADAP PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM

Kewujudan beberapa institusi pendidikan dan kewangan yang berlandaskan prinsip Islam merupakan tolak ukur yang sederhana dalam melihat kesan pelaksanaan Penerapan Nilai-nilai Islam di kalangan masyarakat Melayu. Perkara yang lain yang cukup menonjol dari dasar ini adalah kesungguhan kerajaan untuk mereformasi cara pandang (*weltanschung*), sikap dan mentaliti penjawat awam khususnya dan masyarakat Melayu pada amnya dalam mengemban amanat dan tanggungjawab kerja. Pentadbiran dipilih sebagai komponen utama dasar ini bertujuan bagi melicinkan pelaksanaan sesuatu dasar dan atas kesedaran bahawa kejayaan rancangan-rancangan kerajaan banyak bergantung kepada penjawat-penjawat perkhidmatan awam. Penghayatan kepada nilai-nilai Islam akan dapat menjamin kelancaran dan kecekapan jentera kerajaan serta menghindari daripada perbuatan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.<sup>2</sup>

Salah satu ciri-ciri penting daripada penerapan nilai-nilai Islam ini adalah terwujudnya satu bentuk yang bersifat simbolik yang terhasil dari dasar ini. Simbolisme ini dapat dibahagikan menjadi dua kategori, iaitu simbolisme yang bersifat spiritual dan material. Simbolisme spiritual dapat dilihat melalui reformasi kultural secara luas yang merangkumi pelbagai aspek seperti perubahan etika kehidupan yang lebih Islamik, reformasi budaya kerja, pembentukan jati diri masyarakat Melayu yang moden dan berdaya saing maju menghadapi zaman yang semakin mencabar (Amin 2008).

Usaha menjadikan bidang pentadbiran sebagai tunggak utama dalam reformasi budaya kerja ini juga menghasilkan satu slogan yang dikenali dengan akronim Bersih, Cekap dan Amanah (BCA). Pendekatan ini ditekankan untuk menghapus amalan rasuah, meningkatkan efisiensi pentadbiran, menstruktur semula syarikat-syarikat kerajaan yang salah urus dan tidak mengaut keuntungan (Ho, 2001). Untuk lebih memperkukuh dan melaksanakan program secara berkesan ini, Mahathir Mohammad juga melancarkan kempen Kepimpinan melalui Teladan. Menurut beliau, slogan bersih, cekap dan amanah akan bermakna jika para pemimpin sama ada di kalangan pemimpin parti politik mahupun penjawat awam, memiliki dan mengamalkan secara bersungguh-sungguh nilai-nilai murni tersebut (Govin 1994). Ini selaras dengan jawapan responden yang mana 60.9 % berpendapat bahawa Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam menyemai nilai-nilai murni yang sesuai diamalkan oleh semua agama dan masyarakat berbilang kaum (lihat Jadual 5 atribut 2 dan 3).

Sedangkan simbolisme yang bersifat material dapat dilihat dengan banyaknya projek-projek gergasi pembinaan pelbagai institusi kewangan Islam yang disimbolkan oleh Bank Islam dan institusi pendidikan Islam yang disimbolkan oleh Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Sedangkan beberapa institusi yang sudah sedia ada semakin diperkasakan dan diberikan peranan yang lebih luas tugas dan tanggungjawabnya. Yayasan Pengembangan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM),<sup>3</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)<sup>4</sup> dan Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM).<sup>5</sup> Institusi yang terakhir ini antara beberapa institusi Islam sedia ada yang diberi peranan lebih besar bagi menjayakan program-program yang telah dirancang oleh kerajaan terutama yang berkaitan dengan hal ehwal dakwah.

Beberapa aspek di atas dilihat cukup mempengaruhi persepsi kalangan NGO Islam terhadap Penerapan Nilai-nilai Islam yang dianggap sebagai satu langkah inisiatif awal dalam melaksanakan program keislaman yang semakin intensif di pelbagai peringkat dan komponen masyarakat (Camroux 1996: 858). Itikad kerajaan dalam memperkukuh kedudukan Islam dan disertai dengan langkah



benar-benar dalam memperluas dan memantapkan institusi Islam sedia ada, menyumbang kepada wujudnya persepsi yang positif di kalangan masyarakat termasuklah di kalangan NGO Islam. Usaha kerajaan bagi mempertingkatkan kefahaman Islam ini, pada pandangan responden merupakan satu tindakan yang murni dan bukan merupakan gimik politik semata-mata demi meraih sokongan rakyat. Hal ini dapat dilihat dari soalan adakah dasar ini hanya sebagai gimik politik di mana 85.3% responden tidak bersetuju dengan soalan ini, manakala baki mempunyai pandangan sebaliknya (lihat Jadual 5).


Jadual 5 Bilangan Respons Terhadap Penerapan Nilai-Nilai Islam

Atribut		Respons		Jumlah
		Ya	Tidak	
1. Mempertingkatkan kefahaman Islam dalam-masyarakat majmuk	Bil	205	40	245
	%	<b>83.7</b>	<b>16.3</b>	<b>100.0</b>
2. Menyemai nilai-nilai Islam yang murni dalam masyarakat berbilang kaum	Bil	169	76.0	245
	%	<b>69.0</b>	<b>31.0</b>	<b>100.0</b>
3. Hanyalah sebagai gimik politik kerajaan	Bil	36	209	245
	%	<b>14.7</b>	<b>85.3</b>	<b>100.0</b>
4. Menggalakkan pendidikan Islam	Bil	148	97	245
	%	<b>60.4</b>	<b>39.6</b>	<b>100.0</b>
5. Membina jati diri orang Melayu berasaskan Islam	Bil	155	90	245
	%	<b>63.3</b>	<b>36.7</b>	<b>100.0</b>

Jadual di atas menunjukkan bilangan respons dan peratusan mengenai mengapakah penerapan nilai-nilai Islam perlu dilaksanakan. Soalan dalam jadual ini memberikan kebebasan kepada responden untuk menjawab lebih dari satu jawapan. Berdasarkan jadual di bawah, sebanyak 83.7% daripada responden berpendapat bahawa penerapan nilai-nilai Islam perlu dilaksanakan untuk mempertingkatkan kefahaman Islam dalam masyarakat majmuk. 69.0% daripada responden berpendapat bahawa penerapan nilai-nilai Islam perlu dilaksanakan untuk menyemai nilai-nilai Islam yang murni dalam masyarakat berbilang kaum, 60.8% berpendapat untuk menekankan nilai-nilai murni yang sesuai diamalkan oleh semua penganut agama, 63.3% responden berpendapat untuk membina jati diri orang Melayu berasaskan Islam. 60.4% responden berpendapat penerapan nilai-nilai Islam adalah perlu untuk menggalakkan pendidikan Islam.

## PERANAN INSTITUSI ISLAM DALAM MENJAYAKAN ISLAM HADHARI

Meskipun menuai banyak kontroversi dan perdebatan di pelbagai kalangan, namun soalan ini perlu diajukan bagi mengetahui pandangan responden terhadap siapa yang paling autoritatif dalam melaksanakan Pendekatan Islam Hadhari. Dengan mengetahui jawaban responden, sekurang-kurangnya dapat dijadikan satu pedoman bagi kerajaan sekiranya pada masa yang akan datang kerajaan mengeluarkan dasar atau pendekatan yang berkaitan dengan Islam. Oleh yang demikian, akan dapat diketahui juga institusi mana yang dianggap paling patut menjadi penggerak utama agenda berkenaan.



Rajah 5 Bilangan Respons Terhadap Penggerak Utama Islam Hadhari

Berdasarkan jadual di atas, responden berpendapat bahawa JAKIM adalah badan yang wajar menjadi penggerak Islam Hadhari (13.2%), Jabatan agama Islam Negeri (12.1%) serta NGO (Badan Bukan Kerajaan) seperti ABIM, JIM, PERKIM dan lain-lain (11.4%). Namun demikian, secara keseluruhan jawaban responden ini menunjukkan institusi-institusi Islam yang ada kaitannya dengan kerajaan dianggap sebagai pihak yang paling sesuai bagi menggerakkan Islam Hadhari seperti YADIM, Institut Islam Hadhari dan JASA, Yayasan Islam

Hadhari dan IKIM. Hal ini tentu ada logikanya sendiri memandangkan Islam Hadhari merupakan gagasan yang dikeluarkan oleh kerajaan. Malah, UMNO juga dianggap sebagai pihak yang boleh menjadi penggerak utama dalam menjayakan program Islam Hadhari di mana peratusan yang diperolehi 8.6% dari keseluruhan responden (lihat Rajah 5).

## **PERLUKAH ISLAM HADHARI DITERUSKAN?**

Berikutan merosotnya prestasi BN dalam pilihan raya ke-12 pada 2008, Tun Abdullah Badawi terpaksa meletak jawatan sebagai Perdana Menteri sebagai mengambil tanggungjawab terhadap kekalahan itu. Terdapat penilaian yang menyatakan bahawa salah satu faktor kekalahan BN adalah kerana 'liabiliti' Islam Hadhari yang menanggung imej negatif berikutan penggunaan istilah Islam yang melekat pada perkataan Hadhari (Mohammad Redzuan 2008). Bagi pihak kerajaan sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Zahid Hamidi, persepsi negatif yang melekat pada Islam Hadhari merupakan kejayaan pembangkang khususnya PAS, dalam memutar belit fakta terhadap prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya dan telah dicacamarbakan untuk tujuan politik.<sup>6</sup>

Pengharaman secara terbuka terhadap segala program yang berkonsep Islam Hadhari<sup>7</sup> oleh beberapa negeri yang dikuasai oleh kerajaan Pakatan Rakyat<sup>8</sup>, membuat Islam Hadhari semakin tersepit ruang dan gerakannya di dalam alam pemikiran akademik dan arena politik kebangsaan. Perkara ini semakin diperburuk dengan mundurnya Abdullah Badawi sebagai Perdana Menteri berikutan 'tsunami politik' pada pilihan raya ke-12 dan beberapa siri kekalahan BN dalam pilihan raya kecil. Pilihan Raya Kecil yang pertama setelah pilihan raya ke-12 iaitu Permatang Pauh dilihat oleh beberapa pengkaji sebagai titik permulaan baru Pakatan Rakyat untuk mengukuhkan kedudukannya di dalam persada politik nasional (Mohammad Redzuan et al. 2009). Sebagai ideolog dan perancang utama gagasan Islam Hadhari, ketiadaan Pak Lah jelas menimbulkan persoalan bagaimana nasib Islam Hadhari seterusnya. Adakah ia terus tetap menjadi pendekatan keislaman kerajaan baru di bawah kepimpinan Najib Razak atau ia terkubur bersama jatuhnya Pak Lah, tinggal masa sahaja yang menentukan.

Sesetengah pemerhati juga melihat kegagalan barisan kepimpinan kerajaan yang tidak memberikan contoh yang baik kepada rakyat dan tidak sesuai dengan apa yang digembar-gemburkan di dalam agenda berkenaan turut menyumbang kepada perspektif yang cukup negatif (Nell Al Attas 2008). Beredarnya secara

meluas beberapa gambar yang menunjukkan kurangnya sensitiviti terhadap elemen moraliti seperti pimpinan kerajaan sedang beramah mesra dengan artis luar negara dalam satu majlis rasmi, semakin memburukkan lagi persepsi kalangan NGO Islam terhadap Islam Hadhari. Sebagai sebuah NGO yang menjadikan Islam sebagai paksi utama dalam tingkah laku interaksi sosial dan nilai utama dalam wilayah pentadbiran, situasi itu sukar diterima.

Oleh yang demikian, tidak lah menghairankan bila dikemukakan soalan perlukah tentang Islam Hadhari diteruskan, responden memberikan jawapan yang negatif. Daripada 245 orang responden, 122 orang daripada mereka memberi respons terhadap soalan ini. Daripada 122 orang yang memberi respons, 26.2% daripada mereka (32) berpendapat bahawa Islam Hadhari harus diteruskan manakala 73.8% lagi (90) tidak bersetuju. Ini bermakna secara majoriti golongan NGO Islam berpandangan perlunya agenda baru dalam mempertingkatkan penghayatan dan pengamalan Islam bagi menggantikan pendekatan Islam Hadhari yang banyak mencetuskan kontroversi (lihat Jadual 6).

Jadual 6 Bilangan Responden Tentang Perlukah Islam Hadhari diteruskan

<b>Respons</b>	<b>Bilangan Responden</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Ya	32	26.2
Tidak	90	73.8
<b>Jumlah</b>	<b>122</b>	<b>100</b>

Persepsi bahawa NGO mempunyai pendirian dan pandangan yang cukup kritikal kepada dasar-dasar kerajaan dapat dilihat dalam kaji selidik ini. Dari segi teoritikalnya, secara kebiasannya pendirian NGO, terutama yang bersifat politik, sememangnya menunjukkan pandangan yang berbeza dengan apa yang diputuskan oleh kerajaan. Malah dalam kes-kes tertentu, hubungan kerajaan dengan kalangan NGO berubah menjadi hubungan yang agak tegang berikutan paradigma dan politik kepentingan yang berbeza di antara keduanya. Dalam konteks Malaysia, berikutan kes pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 1998, hubungan antara golongan NGO dan kerajaan menjadi tegang. Hal ini kerana NGO-NGO tersebut menyokong Anwar Ibrahim yang dianggap telah dizalimi dan diperlakukan tidak adil oleh kerajaan. Golongan NGO ini kemudian menubuhkan Gagasan Demokrasi Rakyat (GAGASAN) yang terdiri daripada 25 NGO (Amin 2005).

Di satu sisi, NGO sebagai satu badan yang bebas dan neutral daripada kepentingan mana-mana pihak, menginginkan wujudnya cara pemerintahan yang baik (*good governance*) dan menjunjung tinggi nilai-nilai demokrasi universal. Namun di sisi lain, kerajaan lebih banyak bersikap pragmatikal dan cenderung mengabaikan idealisme politik bagi terwujudnya pemerintahan yang mantap dan stabil. Berdasarkan pengalaman di Afrika, hubungan NGO dan kerajaan sentiasa panas dan saling mencurigai sebagaimana yang digambarkan oleh Edward dan Hulme (1992) yang menyatakan:

*“Traditionally, most NGOs have been suspicious of governments, their relationships varying between benign neglect and outright hostility. Governments often share a similarly suspicious view of NGOs, national and international, and their relationship, at least in Africa, has been likened to cat and mouse.”*

Bagi kalangan NGO Islam, kaji selidik ini mendapati bahawa pendekatan Islam Hadhari yang dijalankan kerajaan tidak sepenuhnya menepati kehendak Islam. Malah, pada elemen tertentu, wujud satu pandangan bahawa usaha kerajaan melaksanakan Islamisasi telah menimbulkan unsur kontradiksi dalam pelaksanaannya dengan fakta yang berlaku. Di satu pihak, kerajaan mencuba menyerlahkan imej Islamnya menerusi dasar Islamisasinya, namun pada masa yang sama ia tidak disertai dengan komitmen untuk menjalankan Islam secara sungguh-sungguh. Isu tentang kemerdekaan dan hak asasi manusia yang menjadi salah satu prinsip Islam Hadhari, menimbulkan kontradiksi dengan realiti yang berlaku di mana masih banyaknya tahanan politik ISA yang masih belum dibebaskan (Bakri 2007).

Pandangan yang negatif terhadap Islam Hadhari berpunca dari imej elit kerajaan itu sendiri yang tidak konsisten dalam menjalankan prinsip-prinsip Islam Hadhari yang ideal. Beberapa isu yang kerap menerjah barisan kepimpinan seperti tiadanya wujud teladan dalam aspek kepimpinan seperti kesungguhan dalam pembanterasannya rasuah, politik wang, isteri pemimpin dan elit negara tidak memakai tudung, dilihat memainkan peranan dalam membentuk persepsi NGO Islam terhadap pelaksanaan Islam di negara ini (lihat Jadual 7).

Hal ini dapat dilihat dalam jadual di atas di mana daripada 90 orang yang tidak bersetuju Islam Hadhari diteruskan berpendapat bahawa ianya tidak perlu diteruskan kerana tidak wujudnya teladan yang ditunjukkan oleh kepimpinan (68.9%). Manakala 64.4% daripada responden berpendapat bahawa

kandungan Islam Hadhari ini adalah tidak jelas dan 63.3% berpendapat Islam Hadhari hanya sebagai pendekatan bukan satu dasar seperti Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam. Bilangan peratusan yang cukup besar ini menunjukkan bahawa responden menolak pendekatan Islam Hadhari kerana aspek-aspek yang menjadi asas kepada pelaksanaannya bertolak belakang dengan apa yang diamalkan dalam kehidupan praktikal sehari-hari termasuk lah tentang isu tiada teladan yang ditunjukkan pemimpin negara.

Jadual 7 Bilangan respons soalan kenapa Islam Hadhari tidak diteruskan

Atribut	Respons			Jumlah
		Ya	Tidak	
1. Tidak wujudnya teladan yang ditunjukkan oleh kepimpinan	Bil	62	28	90
	%	<b>68.9</b>	<b>31.1</b>	<b>100.0</b>
2. Kandungan dan Pendekatan Islam Hadhari tidak jelas	Bil	58	32	90
	%	<b>64.4</b>	<b>35.6</b>	<b>100.0</b>
3. Islam Hadhari hanya sebagai pendekatan bukan satu dasar seperti Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam	Bil	57	33	90
	%	<b>63.3</b>	<b>36.7</b>	<b>100.0</b>

## **PENGHAYATAN ISLAM MELALUI PENINGKATAN AMALIAH**

Dalam konteks bahawa Islam tetap harus menjadi paksi utama dalam arus pembangunan dan nilai utama dalam pentadbiran kerajaan, NGO Islam menyokong sepenuhnya keperluan itu. Hal ini dapat dilihat respons mereka dalam soalan bagaimana dan dengan cara apa sepatutnya kerajaan mempertingkatkan kefahaman Islam di kalangan umat Islam di negara ini. Dengan mengambil segi seperti memantapkan lagi undang-undang syariah, memperkasakan sistem pendidikan Islam, memperbanyak program berunsur Islam di televisyen dan mengurangkan hiburan yang tidak sesuai dengan landasan Islam, kalangan NGO ini menunjukkan persetujuannya terhadap langkah-langkah seperti itu.

Jadual 8 Bilangan respons tentang cara yang perlu dilakukan bagi meningkatkan lagi pemahaman Islam dalam masyarakat Melayu

Atribut	Respons		Jumlah
	Ya	Tidak	
1. Wujudkan dasar yang lebih mantap yang memberikan kefahaman Islam yang lebih jelas sebagai kesinambungan kepada Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam	79 <b>64.8</b>	43 <b>35.2</b>	122 <b>100</b>
2. Perkasakan Pendidikan Islam dalam semua peringkat	87 <b>71.3</b>	35 <b>28.7</b>	122 <b>100</b>
3. Memantapkan pelaksanaan undang-undang syariah	83 <b>68.0</b>	39 <b>32.0</b>	122 <b>100</b>
4. Perbanyakkan program yang berunsurkan Islam di TV	85 <b>69.7</b>	37 <b>30.3</b>	122 <b>100</b>
5. Perbanyakkan penerbitan yang berunsurkan Islam	81 <b>66.4</b>	41 <b>33.6</b>	122 <b>100</b>

Jadual 8 menunjukkan responden memperlihatkan jawapan yang cukup responsif terhadap soalan-soalan yang diajukan yang mana secara puratanya mencatatkan jawapan 50 % ke atas. Meskipun dalam aspek tertentu berpendirian kritikal terhadap kerajaan, jawapan yang diberikan oleh kalangan NGO Islam ini memantulkan dimensi yang seirama, sekiranya kerajaan mengeluarkan dasar tentang kaedah dan cara bagi peningkatan penghayatan Islam di masa akan datang. Bagi responden, memperkasakan pendidikan Islam pada semua peringkat merupakan cara yang paling sesuai dalam meningkatkan pemahaman dan penghayatan Islam yang mana jawapan yang diberikan mencecah 71.3%. Jumlah peratusan yang tinggi ini menunjukkan bahawa pendidikan Islam adalah keperluan yang asas dan utama (*basic needs*) bagi mencetak insan-insan yang bertanggungjawab kepada agamanya. Aspek-aspek lain yang juga dianggap penting mengambil peranan adalah memantapkan pelaksanaan undang-undang syariah 68%, memperbanyak program berunsur Islam di TV 69.7% dan mewujudkan dasar yang lebih mantap sebagai kesinambungan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam 64.8%.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapatan kajiselidik ini menunjukkan bahawa pandangan badan bukan kerajaan (NGO) Islam terhadap pelaksanaan agenda pengislaman di negara ini menyerlahkan pandangan yang cukup kritikal. Hal ini selaras dengan kebiasaan cara pandang NGO yang menjadikan prinsip dan nilai-nilai universal sebagai acuan utamanya dalam menilai sesebuah dasar atau pendekatan yang dikeluarkan oleh kerajaan. Sebagai sebuah badan yang tidak terikat dan bebas dengan mana-mana kepentingan politik, perspektif NGO Islam adalah merujuk kepada idealisme untuk memperjuangkan dan membela kepentingan umat.

Dalam konteks ini, responden yang merupakan NGO Islam telah memainkan peranannya dalam menyuarakan pendirian yang berdasarkan kepada prinsip-prinsip bagaimana syiar Islam boleh berdiri tegak tanpa mengambil kira elemen-elemen politik yang wujud dalam persekitarannya. Oleh itu, sekiranya kerajaan mengeluarkan sesebuah dasar atau pendekatan yang selaras dengan prinsip-prinsip Islam tanpa mengambil kira keuntungan politik ke atasnya, maka dasar atau pendekatan ini akan mendapat sokongan oleh komuniti Islam termasuk lah NGO Islam. Sebaliknya, jika pendekatan atau dasar itu semata-mata atas dasar kepentingan politik dan berpeluang mencetuskan kontroversi, maka tidak sukar untuk meramalkan bagaimana perjalanan program itu nanti seterusnya.

### Nota hujung

- <sup>1</sup> Lihat misalnya, tulisan Saliha (1992) yang membincangkan secara terperinci mengenai NGO di Malaysia khususnya pada awal era 90-an. Tulisan ini cukup komprehensif dalam menjelaskan kedudukan NGO yang meliputi sifat-sifat dasar, asal mula kemunculan dan wilayah operasinya, segi pendaftaran, keahlian, kepimpinan, matlamat jenis aktiviti, hubungannya dengan masyarakat dan kerajaan. Sebagai perbandingan baca Weiss (2002) yang membincangkan NGO Malaysia dalam konteks sejarah, kerangka kerja dan corak utamanya.
- <sup>2</sup> Huraian lanjut tentang asas filosofi, rasional dasar dan perincian nilai-nilai Islam di wilayah pentadbiran, layari <http://pmr.penerangan.gov.my/page.cfm?name=DasarPenerapanIslam> (25 Mei 2008).
- <sup>3</sup> Meskipun ditubuhkan sejak 13 Oktober 1976, fungsi, sumbangan dan peranan YAPIEM dalam agenda pembangunan ekonomi dan kebajikan masyarakat Islam tidak begitu banyak diketahui oleh orang ramai. Walau bagaimanapun, setelah YAPEIM diberikan amanah untuk menguruskan Kumpulan Wang Amal Jariah yang diperkenalkan kerajaan pada 1986, institusi ini mula dikenali orang ramai sebagai badan yang menerima sumbangan, mengagihkan sumber kewangan untuk membangun ekonomi, pendidikan dan sosial ekonomi Islam di Malaysia.



- <sup>4</sup> Embrio pertama jabatan ini adalah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) yang diasaskan oleh Majlis Raja-Raja pada 17 Oktober 1968. Kemudian kerajaan menubuhkan urusetia kepada MKI iaitu Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) di bawah Jabatan Perdana Menteri yang mana pada 1 Januari 1997 dinaik taraf menjadi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang dikenali sekarang ini.
- <sup>5</sup> Sambutan Bulan Dakwah yang dilancarkan pada tahun 1978 merupakan aktiviti keagamaan yang melonjakkan nama YADIM sebagai institusi Islam di bawah naungan kerajaan. Sejak itu YADIM dikenali orang ramai sebagai badan Islam yang diberikan tanggung jawab oleh kerajaan untuk menyelaras, membuat program dan penerbitan berunsur dakwah di Malaysia.
- <sup>6</sup> Lihat, Islam Hadhari Punca Kekalahan Besar BN. *Harakah*. 10-25 Jamadil Awal 1429 / 16-31 Mei 2008, Hal: 34. Layari juga, *Islam Hadhari Faktor Kekalahan BN?* (atas talian) [http://buletinonline.net/index.php?option=com\\_content&task=view](http://buletinonline.net/index.php?option=com_content&task=view) (20 Mei 2008).
- <sup>7</sup> Lihat, Selangor Haramkan Program berkonsep Islam Hadhari, (atas talian) [http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2008&dt=0527&pub=utusanmalaysia&sec=politik&pg=po\\_09.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2008&dt=0527&pub=utusanmalaysia&sec=politik&pg=po_09.htm&arc=hive). Lihat juga, Pulau Pinang Haramkan Islam Hadhari, (atas talian) <http://www.malaysiakini.com/print.php?c=news&id=83486> (22 Mei 2008).
- <sup>8</sup> Negeri-negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat setelah menuai kejayaan pada pilihan raya ke-12 adalah Selangor, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Perak (sebelum kemudian diambil semula oleh BN). Bagaimanapun, hanya Selangor dan Pulau Pinang yang mengumumkan secara terbuka pengharaman Islam Hadhari untuk dilaksanakan di negeri berkenaan. Manakala Kelantan, sudah lama menolak pendekatan Islam Hadhari kerana ia dianggap sebagai karut. Lihat, "Islam Hadhari Karut - Tok Guru Nik Aziz", (atas talian) [http://buletinonline.net/index.php?option=com\\_content&task=view&id=1346&Itemid=32](http://buletinonline.net/index.php?option=com_content&task=view&id=1346&Itemid=32) (22 Mei 2008).

## RUJUKAN

- Abdul Hadi Awang. 2005. *Hadharah Islamiyyah bukannya Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Nufar Street. Sdn. Bhd.
- Abdullah Ahmad Badawi. 2007. *Islam Hadhari Approach: Towards A Progressive Islamic Civilisation*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Amin Fadlillah. 2005. Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN) dalam Gerakan Reformasi di Malaysia 1998-1999, Projek Sarjana, Sains Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.
- Amin Fadlillah. Perbandingan dasar penerapan nilai-nilai Islam dan pendekatan Islam Hadhari <http://islamhadhari.net/?p=1565> [24 November 2008].

- Azali Atan. 1986. *Islam, Politik dan Pentadbiran: Satu Tinjauan Mengenai Proses Penerapan Nilai-nilai Islam di Malaysia*. Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan). Jabatan Sains Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. UKM.
- Bakri Musa, His Hollowness The Imam of Islam Hadhari. <http://blog.limkitsiang.com/2007/10/22/his-hollowness-the-imam-of-islam-hadhari> [20 Mei 2008].
- Camroux, David. 1996. State Responses to Islamic Resurgence in Malaysia: Accomodation, Co-optation and Confrontation, *Asian Survey*, Vol. XXXVI, No. 9, September.
- Edward & Hulme. 1992. *Making a difference. NGOs and development in a changing world*. London: Earthscan Publications.
- Funston, John. 1980. *Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO and PAS*, Kuala Lumpur: Heinemann.
- Ho Khai Leong. 2001. *The Political and Administrative Frames: Challenges and Reforms under the Mahathir Administration*. Dlm. Ho Khai Leong dan James Chin (pnyt). *Mahathir's Administration: Performance and Crisis in Governance*. Singapore: Times Book International.
- Hussin Mutalib. 1993. *Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State*. Singapore: National University of Singapore.
- Ibrahim Ahmad. 1989. *Konflik UMNO-PAS dalam Isu Islamisasi*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd.
- Islam Hadhari Punca Kekalahan Besar BN. 2008 *Harakah*. 10-25 Jamadil Awal 1429 / 16-31 Mei.
- Johan Saravanamuttu. 2002. *Malaysian Civil Society-Awakening?*, Dlm. Maznah Mohamad & Wong Soak Koon (pnyt). *Risking Malaysia. Culture, Politics and Identity*. Bangi: Penerbit UKM.
- Khadijah Md. Khalid. 2007. *Voting for change? Islam and personalized politics in the 2004 general elections*. Dlm. Terence Gomez, Edmund. (pnyt). *Politics in Malaysia: The Malay dimension*. London: Routledge.

- Lim Teck Ghee. 1995. Non-governmental Organisations in Malaysia and Regional Networking, Dlm, Tadashi Yamamoto (pnyt), *Emerging civil society in the Asia Pacific Community*, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Makmor Tumin. 1998. NGO dalam sistem demokrasi Malaysia, *Massa*, 16 Mei.
- Mauzy, Diana K. dan R.S. Milne. 1983. The Mahathir Administration in Malaysia: Discipline Through Islam. *Pacific Affair*, jil. 56, bil. 4.
- Mohammad Redzuan Othman et al. 2009. *Permatang Pauh Pilihan Raya Kecil Ogos 2008*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Mohammad Redzuan Othman. 2008. Pendekatan Islam Hadhari dan Pilihan Raya Umum ke-12, *Sejarah*, Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya, No. 16.
- Nell Al-Attas, Islam Hadhari: What Went Wrong <http://drnell.wordpress.com/2008/06/12/hadhariwrong/html> [24 Jun 2008].
- Pulau Pinang Haramkan Islam Hadhari <http://www.malaysiakini.com/print.php?c=news&id=83486> [22 Mei 2008].
- Roff, William R. 1980. *The Origins of Malay Nationalism* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Saliha Hassan. 2002. Islamic Non-Governmental Organisations, Dlm. Meredith L Weiss dan Saliha Hassan (pnyt) *Social movement in Malaysia: From moral communities to NGOs* London: Routledge Curzon.
- Saliha Hassan. 1991. Organisasi bukan Kerajaan dalam Politik Malaysia, Dlm, Hairany Naffis (pnyt). Politik Malaysia dekad 1990-an. Prosiding Seminar Politik Malaysia ke-IV. Bangi: Jabatan Sains Politik UKM.
- Saliha Hassan. 2002. Political Non-Governmental Organizations: Ideal and Realities Dlm Francis Loh Kok Wah dan Khoo Boo Teik (pnyt). *Democracy in Malaysia: Discourse and Practices*. London: Curzon.

- Saliha Hj Hassan. 2000. NGO, Masyarakat Sivil dan Demokrasi. Dlm Abdul Rahman Embong (pyt). *Negara, Pasaran dan Pemodenan Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Selangor Haramkan Program berkonsep Islam Hadhari. [http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2008&dt=0527&pub=utusanmalaysia&sec=politik&pg=po\\_09.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2008&dt=0527&pub=utusanmalaysia&sec=politik&pg=po_09.htm&arc=hive) [20 Mei 2008].
- Wan Nik Wan Yussof & Asma' Husna Sulaiman. 2006. *Islam Dalam Politik Malaysia: Satu Kritikan Terhadap Islam Hadhari*. Kota Bharu: Centre for Political Analysis and Strategic Development.
- Weiss, Meredith L. & Saliha Hassan (pnyt). 2002. *Social movement in Malaysia: From moral communities to NGOs*. London: Routledge Curzon.
- Yoshiki Kaneko. 2002. Malaysia, Dual Structure in the State-NGO Relationship. Dlm. Shinichi Shigetomi (pnyt), *The State and NGOs: Perspective from Asia*. Singapore: Institute of Southeast Studies.